

30 OCT 2001

RAWATAN-AIR

RAWATAN AIR ZEO-TECH BEKAL AIR BERSIH UNTUK SEMUA HIDUPAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Rawatan air menggunakan teknologi zeolit (Zeo-Tech) yang menggunakan batu-batan membolehkan bekalan air bersih dibekalkan kepada pengguna tanpa menggunakan bahan kimia.

Pengarah Urusan Harta Semarak Nasaruddin Abdullah berkata kaedah itu lebih mesra alam berbanding dengan cara konvensional yang menggunakan bahan kimia seperti klorin dalam merawat air untuk dibekalkan kepada pengguna.

"Zeo-Tech tidak menggunakan bahan kimia dan ini sesuai untuk digunakan bukan sahaja oleh manusia tetapi juga binatang dan tumbuhan," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual sempena dengan Pameran Air dan Pengurusan Bahan Kumbuhan Negara Membangun 2001 di sini.

Pameran yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dan akan berlangsung sehingga esok.

Nasaruddin berkata melalui kaedah itu bahan-bahan yang berbahaya kepada manusia boleh diperangkap dan dikeluarkan daripada air supaya dapat digunakan oleh manusia dan hidupan lain.

Beliau berkata kebanyakan rawatan air pada masa ini memenuhi kehendak serta keperluan manusia tetapi tidak untuk hidupan lain.

"Jadi cara yang berkesan ialah tidak menggunakan atau mengurangkan penggunaan bahan kimia kerana ia akan memberikan kesan jangka panjang kepada manusia," katanya.

Nasaruddin berkata pada masa ini air menjadi semakin tercemar sehingga memaksa penggunaan teknik terkini untuk menyelesaikannya.

"Sistem rawatan terpilih dan terkini perlu dicari dan salah satu jawapannya adalah rawatan secara Zeo-Tech ini," katanya.

Bagaimanapun, Nasaruddin menjelaskan bahawa Zeo-Tech hanya dapat merawat air kumbuhan dan tidak merawat bahan-bahan yang bertoksid seperti sisa pepejal.

"Zeo-Tech sesuai untuk air sungai, longkang atau parit tetapi tidak sisa pepejal seperti bahan toksid yang dilepaskan daripada kilang," katanya.

Beliau berkata proses Zeo-Tech melibatkan penukaran ion, penyerapan dan penyahan molekul-molekul berbahaya daripada air untuk memberikan bekalan air yang bersih serta selamat diminum.

Katanya teknologi ini sedang dimajukan melalui prinsip penswastaan dengan syarikat swasta dan milik kerajaan negeri.

"Pada masa ini, Johor ada menggunakan teknologi ini dalam rawatan air," katanya sambil menjelaskan bahawa Zeo-Tech adalah kos efektif dan dapat merawat air dalam tempoh yang singkat.

"Ia dapat merawat jumlah air yang sama banyak dengan yang menggunakan klorin dalam satu-satu masa," katanya lagi.

-- BERNAMA

AT AHH NHD